

18 MAY 1996

Mahathir - Hijrah

PERDANA MENTERI AJAK UMAT ISLAM BAIKI DIRI DENGAN ILMU

KUALA LUMPUR, 18 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri mengajak umat Islam negara ini berusaha memperbaiki dan memajukan diri sendiri dengan ilmu dan kecekapan bagi mengatasi kelemahan atau kekurangan yang boleh menjejaskan keselamatan dan agama Islam.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata ini penting dan selari dengan erti penghijrahan daripada kelemahan kepada kekuatan.

Jika umat Islam lalai dalam mempersiapkan diri dengan pelbagai ilmu, nescaya mereka terpaksa bergantung selama-lamanya kepada orang lain, sudah tentu umat Islam tidak dapat berlumba dengan orang lain, kata Perdana Menteri dalam perutusan sempena sambutan Ma'al Hijrah 1417H esok.

Dr Mahathir berkata, umat Islam negara ini harus sedar dan insaf bahawa umat Islam di dunia masih lemah dan jika mereka terus dalam keadaan itu, orang lain akan mengambil kesempatan menguasai mereka.

Menurutnya, daripada segi ekonomi, banyak negara Islam masih bergantung kepada bukan Islam untuk keperluan hidup dan daripada segi sosial, masih ramai yang ketinggalan dalam arus kemajuan dan kemodenan sementara dalam politik pula, mereka masih puak-puak dan bersengketa sesama sendiri.

Dr Mahathir berkata inilah antara faktor yang memberi ruang kepada musuh Islam untuk mencaci Islam sebagai agama yang membawa kepada kemunduran dan perbalahan.

"Kita telah melihat umat Islam di sesetengah negara menjadi mangsa musuh Islam, di Bosnia-Herzegovina, Chechnya, Palestin dan Lubnan, umat Islam yang lemah diserang tanpa batasan dan belas kasihan oleh musuh Islam.

Ratusan, malahan ribuan orang Islam terbunuh tanpa dapat mempertahankan diri sedikitpun dan umat Islam di negara-negara ini begitu mudah dipermainkan dan ditindas bukan sahaja oleh musuh Islam tetapi juga kuasa besar Barat," katanya.

Menurut beliau, atas nama keadilan kononnya, umat Islam dihalau dari negara dan kampung halaman, dari masyarakat dan keluarga mereka hingga dihina dan diketepikan.

Dr Mahathir berkata, ada juga negara Islam yang kehilangan kedaulatan, sehingga menjadi secara tidak langsung tanah jajahan kuasa asing dan ekonomi mereka dikuasai oleh negara tertentu sehingga mereka kehilangan kebebasan berniaga atau mengeluarkan barangan sendiri.

Dr Mahathir berkata yang lebih mendukacitakan ialah Islam sering dikaitkan dengan perbuatan keganasan yang dilakukan oleh orang Islam yang tidak bertanggungjawab.

"Inilah kedudukan umat Islam di dunia sekarang, selalu diperkecil-kecilkan dan dipijak-pijak.

Sudah tentu umat Islam di Malaysia tidak mahu diri mereka mengalami nasib yang sama dan apakah perasaan kita jika kita dihina dan dipijak-pijak oleh sesiapa sahaja. Sudah tentu kita tidak rela umat dan agama Islam dihina dan dipermainkan," katanya.

Menurut Dr Mahathir, apa yang berlaku ke atas umat Islam lain hendaklah dijadikan pengajaran kepada umat Islam negara ini.

Sehubungan itu, sudah sampai masanya sempena sambutan Ma'al Hijrah tahun ini, umat Islam berikrar untuk memperbaiki nasib diri supaya mereka terpelihara daripada nasib yang buruk, katanya.

Dr Mahathir berkata umat Islam di negara ini hendaklah bertekad untuk berusaha memajukan diri mengikut kehendak Al-Quran dan Sunnah Rasul kerana cara ini mereka dapat terus bangun dengan penuh keyakinan dan membawa

negara ke arah yang lebih positif.

Beliau juga mengajak umat Islam supaya sentiasa bersyukur terhadap kurnia Allah S.W.T kerana melindungi mereka dan agama Islam daripada apa jua bahaya.

Katanya, dengan bersyukur, umat Islam akan berasa sedar dan sentiasa berhati-hati dan seterusnya bersiap sedia untuk menghadapi apa juga cabaran ataupun ancaman terhadap umat dan agama Islam di negara ini. -- BERNAMA

ARA FAZ